

20/10/2001

Harga rokok dijangka naik lagi

KERAJAAN seperti dijangka mengumumkan kenaikan duti import dan eksais bagi rokok dalam Belanjawan 2002 dalam usahanya mengurangkan tabiat merokok penduduk, terutama remaja negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kesedaran bahaya merokok masih rendah sehingga tabiat itu mencapai peringkat amat membimbangkan di kalangan pelajar sekolah.

"Menyedari hakikat ini, saya mencadangkan duti import rokok dinaikkan daripada RM180 sekilogram kepada RM216 sekilogram, manakala duti eksais dinaikkan daripada RM40 sekilogram kepada RM48 sekilogram," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedar langkah menaikkan cukai rokok menggalakkan lebih banyak kegiatan penyeludupan barangan itu.

"Untuk itu, pendekatan lebih agresif dan berkesan akan diambil bagi memastikan penyeludupan dapat ditangani dengan meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran Jabatan Kastam dan pihak berkuasa yang terbabit," katanya.

Bagaimanapun, Belanjawan 2002 kali ini tidak menyaksikan peningkatan duti dan cukai terhadap alkohol dan kegiatan perjudian.

Kerajaan juga menunjukkan kesungguhan menangani masalah sosial, jenayah serta penyeludupan dan penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa dengan menyediakan peruntukan lebih besar.

Bagi membanteras penyeludupan dan penyalahgunaan dadah selain rawatan penagih, kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM140.4 juta, manakala RM172 juta lagi akan disalurkan bagi membolehkan pihak berkuasa mempercepat penyelesaian kes jenayah.

Ini termasuk penggunaan teknik moden seperti profil asid deoksiribonukleik (DNA) bagi mengesan penjenayah.

Dr Mahathir berkata, masalah sosial yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini, sehingga negara dikejutkan kejadian tidak berperikemanusiaan, termasuk insiden di Kampung Medan.

"Keruntuhan moral remaja semakin membimbangkan. Jumlah penagih dadah dan penghidap HIV dan Aids kian meningkat. Penjenayah semakin ganas.

"Pengalaman pahit tahun 1969 mengingatkan kita betapa pentingnya perpaduan kaum sentiasa dipupuk dan dipelihara," katanya sambil menambah, beberapa program perpaduan akan diatur manakala program membangkitkan kesedaran menangani isu sosial akan diteruskan.

(END)